



NAMA : _____

KELAS : _____

SALAM PERPISAHAN

Anda dan rakan berbincang tentang rancangan hendak melawat bekas guru kelas anda yang sudah berpindah sekolah. Lengkapkan perbualan di bawah dengan dialog yang sesuai.

- Apa kata kalau kita ajak kawan-kawan lain bersama?
- Kita mesti mendapat persetujuan daripada mereka.
- Apa kata kalau kita ke sana pada Hari Guru nanti?
- kita pergi menziarahi bekas guru kita itu.

- Aezalene : Ivy, nampaknya sudah lama Cikgu Asrul meninggalkan kita semua.
- Ivy : Ya. Benar kata kamu. Rasa-rasanya sudah lima bulan beliau bersara.
- Aezalene : Saya berpendapat agar **(1)** _____.
- Ivy : Saya bersetuju dengan pendapat kamu.
- Aezalene : **(2)** _____.
- Ivy : Boleh juga. Tentu ramai yang hendak pergi ke rumah Cikgu Asrul.
- Aezalene : Kalau begitu, nanti saya akan hubungi kawan-kawan yang lain. Tiada masalah rasanya, pasti rancangan kita akan berjaya.
- Ivy : **(3)** _____.
- Aezalene : Bagus cadangan kamu itu. Lagipun kita boleh bawakan sesuatu kepada Cikgu Asrul.
- Ivy : Ya, benar kata kamu itu. Kita boleh bawakan sesuatu yang istimewa untuk beliau.
- Aezalene : Saya tidak sabar-sabar lagi hendak berjumpa dengan Cikgu Asrul.
- Ivy : Saya juga begitu.
- Aezalene : Jadi, eloklah kita berbincang dengan rakan-rakan kita secepat mungkin **(4)** _____.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, cari dan betulkan kesalahan-kesalahan tatabahasa dan istilah yang terdapat dalam petikan tersebut.

Para-para pelajar di sekolah itu telah mengadakan majlis perpisahan antara mereka dan guru kesayangan mereka baru-baru ini. Cikgu Asrul sudah berjasa sebagai guru di sekolah itu sepanjang 30 tahun. Cikgu Asrul dengan resminya telah bersara dalam bidang Pendidikan setelah menabur bakti begitu lama.

Pelbagai acara-acara diadakan sempena majlis perpisahan itu termasuklah ucapan daripada ketua pelajar, nyanyian, membaca sajak dan persembahan drama pendek. Setiap acara yang diberikan sangat menarik kerana pelajar-pelajar sudah membuat latihan terlebih dahulu.

Cikgu Asrul mengucapkan terima kasih kepada para pelajar yang membuat persembahan tersebut. Menerusi ucapan ringkasnya, beliau menjelaskan bahawa beliau tidak akan melupakan sekolah itu kerana beliau lama sudah bertugas di situ. Kalau ada masa, beliau akan bertandang ke sekolah itu untuk menziarahi warga sekolah.

Sebelum meninggalkan kawasan sekolah, Cikgu Asrul bermaaf-maafkan dengan semua guru dan kakitangan sekolah. Banyak pelajar yang mengiringi beliau sampai ke pintu pagar sekolah. Pemergian beliau ditangisi oleh kebanyakan pelajar yang sangat sukakan beliau. Para pelajar di sekolah itu berharap agar antara mereka dan Cikgu Asrul akan saling ingat-mengingati.



Kesalahan Tatabahasa	Pembetulan
1. Para-para pelajar	
2. Pelbagai acara-acara	
3. beliau lama sudah	
4. sukakan beliau	
5. saling ingat-mengingati	

Kesalahan Istilah	Pembetulan
1. berjasa	
2. sepanjang	
3. resminya	
4. membaca sajak	
5. diberikan	

**“Anda akan jauh lebih berjaya daripada orang lain
dengan melakukan perkara yang orang lain tidak mahu lakukan.”**